

Buruk Baik Perdagangan Antarabangsa

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Malaysia telah menjadi negara perdagangan setelah menerima pakai strategi galakan eksport hampir setengah abad yang lepas. Strategi ini di laksanakan dengan bantuan pelaburan asing terus, di mana pelabur-pelabur asing digalakkan untuk membuat pengeluaran di Malaysia mengambil manfaat dari upah buruh yang murah. Antara galakan yang diberi oleh kerajaan adalah dengan mewujudkan zon perdagangan bebas. Barangan yang di keluarkan di dalam zon perdagangan bebas adalah untuk dieksport, di mana penjualan dalam negara tertakluk kepada duti import.

Hasil dari strategi ini, banyak firma-firma antarabangsa terutama dari Jepun telah membina kilang pengeluaran mereka di Malaysia. Kemudiannya, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara perdagangan penting di dunia. Yang lebih penting, melalui strategi ini Malaysia mampu keluar dari belenggu kemiskinan dengan mempelbagaikan sumber pendapatan negara. Sebelum ini pendapatan negara bukan sahaja kecil malahan mengalami turun naik yang tidak menentu kerana kebergantungan kepada eksport komoditi pertanian. Eksport komoditi juga terdedah kepada nilai tambah yang kecil walaupun pada asasnya Malaysia kaya dengan sumber semula jadi.

Dari sudut individu pula, banyak peluang pekerjaan di cipta. Ramai orang mampu keluar dari belenggu kemiskinan. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi terutama di akhir abad kedua puluh menyaksikan Malaysia tergolong di antara negara yang tumbuh dengan pesat.

Sejarah pendek ini membuktikan bahawa perdagangan antarabangsa mampu menjana kekayaan negara dan kesejahteraan kepada rakyat jelata. Perlu diingat, penyokong

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kepada perdagangan bebas berpendapat bahawa manfaat dari perdagangan bebas adalah lebih besar kepada negara hasil dari peningkatan kecekapan pengeluaran dan agihan. Maka kewujudan wilayah perdagangan bebas seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dilihat sebagai alternatif utama untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Namun demikian segala kebaikan perdagangan bebas bukanlah merupakan kebaikan mutlak. Sudah pasti terdapat kesan sampingan yang antaranya memerlukan pengorbanan. Umpamanya, urbanisasi dilihat baik secara umum, namun seseorang perlu mengorbankan keindahan alam sekitar di kampung.

Marilah kita lihat antara kesan-kesan yang perlu dihadapi sebagai sebuah negara perdagangan bebas. Perlu diingat kesan-kesan ini bukan bermakna ianya suatu pilihan yang perlu dibuat, tetapi sebagai suatu kesedaran supaya kita bersedia untuknya. Memilih untuk menerima urbanisasi bukan bermakna kita tidak lagi mencintai alam sekitar atau sebaliknya tidak semestinya kita menolak urbanisasi semata-mata kerana kecintaan terhadap alam sekitar. Justeru kita perlu menghadapi segala cabaran dengan cara yang paling efektif.

Perkara pertama yang kita perlu sedari hasil dari perdagangan adalah 'hukum satu harga'. Hukum semula jadi ini adalah merupakan kesan serta merta hasil dari perdagangan yang mungkin ramai terlepas pandang. Hukum satu harga ini berlaku kerana aktiviti arbitraj disebabkan oleh perbezaan harga. Perbezaan harga di antara pasaran yang berbeza cuma akan kekal disebabkan oleh perbezaan kos pengangkutan atau lain-lain kos pengagihan. Jika tidak aktiviti arbitraj akan berlaku dan harga barangan yang diniaga tersebut akan menjadi seragam.

Contohnya, jika pisang dihasilkan di kampung A dengan harga RM1.00 sebiji. Ianya dijual di kampung B dengan harga RM1.20 sebiji mengambil kira segala kos yang diperlukan untuk di bawa dari A ke B, termasuk upah kepada si peniaga. Jika peniaga tersebut menjual dengan harga RM2.00 sebiji di B, maka akan terdapat peniaga lain yang akan mengambil kesempatan untuk menjual dengan harga murah sedikit seperti RM1.80. Begitulah seterusnya sehingga perbezaan harga hanya sekadar cukup

sebagai insentif kepada sesiapa yang ingin berniaga. Inilah yang dimaksudkan aktiviti arbitraj.

Mengambil kira hukum satu harga sebagai kesimpulan umum, bolehlah kita rumuskan bahawa harga barangan yang serupa hasil dari perdagangan bebas akan menjadi seragam di antara negara-negara yang berdagang. Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa implikasi dari hukum ini amat besar. Jika diambil pisang sebagai contoh, pada suatu masa yang lepas mungkin harga pisang di Malaysia cuma 10 sen sebiji, kerana kita mempunyai kelebihan bandingan untuk mengeluarkan pisang. Maka aktiviti arbitraj berlaku dan akhirnya pisang akan pergi ke negara yang mempunyai permintaan tinggi. Mengambil contoh di atas akhirnya harga pisang stabil pada RM1.00 sebiji.

Satu pengajaran yang perlu disedari bahawa kita tidak lagi dapat menikmati harga pisang 10 sen seperti sebelum perdagangan berlaku. Kesan hukum satu harga ini didapati berlaku dengan berleluasa kini. Kesimpulannya, kita semakin kaya hasil dari perdagangan antarabangsa tetapi pada masa yang sama harga barangan akan lebih mahal setanding dengan negara-negara lain di dunia yang menjadi rakan dagangan. Inilah di antara sebab yang boleh dikaitkan dengan peningkatan kos sara hidup yang diluahkan oleh masyarakat umum kini.

Dari perspektif individu, untuk menangani peningkatan kos sara hidup terhasil dari hukum satu harga ini adalah melalui peningkatan pendapatan individu. Kaedahnya adalah dengan peningkatan produktiviti. Oleh itu, di peringkat kerajaan atau pengurusan makroekonomi juga disarankan untuk menumpukan kepada polisi peningkatan produktiviti. Jelas dari contoh di atas, polisi kawalan harga barangan untuk menangani kenaikan harga adalah tidak produktif dan tidak efektif untuk jangka panjang.

Perkara kedua yang kita perlu sedari hasil dari perdagangan adalah 'persamaan harga faktor' antara negara-negara yang berdagang. Contohnya persamaan upah atau gaji pekerja dengan kebolehan setanding. Bermakna, lama-kelamaan setelah berdagang, upah akan menjadi sama tanpa perlu kepada migrasi. Persamaan ini berlaku ada hubung kaitnya dengan hukum satu harga barangan. Perdagangan bermula kerana

perbezaan harga barangan di antara dua negara. Harga barangan di negara pengeksport lebih murah kerana kos faktor, seperti buruh, yang murah. Peningkatan permintaan terhadap barangan, juga meningkatkan permintaan untuk buruh yang seterusnya menaikkan upah mereka. Proses ini akan berterusan sehingga negara pengeksport tidak lagi mempunyai kelebihan mutlak dari segi kos buruh yang murah. Keadaan ini telah berlaku di Amerika Syarikat (AS) selepas Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) ditandatangani. Upah pekerja tidak mahir telah menurun di AS dan sebaliknya meningkat di Mexico.

Persamaan harga faktor ini memberi implikasi yang penting untuk kita fikirkan. Buat masa ini Malaysia bergantung kepada buruh asing yang murah untuk menangani tekanan terhadap kenaikan kos buruh tempatan untuk mempertahankan daya saing. Kos buruh tempatan harus naik berdasarkan hujah persamaan harga faktor. Berdasarkan hujah ini juga, penggunaan buruh asing dilihat sebagai sementara kerana lama kelamaan upah di negara mereka juga setanding, terutama dalam lingkungan TPPA. Jika buruh asing pulang ke negara mereka, bukan sahaja kita kehilangan daya saing malah yang lebih penting mungkin kita tidak mampu untuk mengisi vakum yang ditinggalkan.